- 15 Jadual 4 menunjukkan data-data yang diperlukan untuk mencipta Jadual Barang bagi membangun sebuah pangkalan data Stor_Sukan.

BARANG

NoBarang	NamaBarang	Kuantiti	HargaSeunit	IDMurid
A01	BOLA SEPAK	10	38.50	M1000
A02	BOLA JARING	15	28.50	M2000
A03	BOLA HOKI	20	20.00	M3000
A04	RAKET	50	50.00	M1000

Jadual 4

Berdasarkan Jadual 4,

- i) lengkapkan kod arahan SQL berikut untuk memadam rekod BOLA JARING.

..... FROM BARANG

WHERE NamaBarang =

[2 markah]

- ii) nyatakan fungsi kod arahan SQL berikut.

DELETE FROM BARANG

.....

[1 markah]

- 16 Kenal pasti urutan yang betul semasa mencipta borang di dalam Microsoft Access. Langkah yang pertama dan keenam telah dilabelkan.

Pilih jadual di dalam tertingkap "all tables" di sebelah kiri	1
Klik tab "Format" dan pilih format yang sesuai	
Klik sebelah kanan dan pilih "Close" untuk menutup borang tersebut	6
Save borang yang telah diubah suai dan berikan nama yang sesuai kepada borang tersebut	
Tekan butang rekod untuk melihatsetiap rekod dalam jadual.	
Klik butang ikon form	

[4 markah]

- 17 Rajah 6 menunjukkan kod segmen penskripan klien yang digunakan untuk menguji kelayakan umur dan status daftar pengundi.

```
<script>
    var umur = 18, statusDaftar = false;

    if (umur >= 21 || statusDaftar = true)
    {
        document.write (" Anda Layak Mengundi" );
    }
    else
    {
        document.write ("Anda Tidak Layak Mengundi" );
    }
</script>
```

Berdasarkan Rajah 6,

- a) nyatakan jenis operator logik yang digunakan.

.....
[1 markah]

- b) tuliskan output yang dihasilkan.

.....
[1 markah]

- 18 Terdapat beberapa pilihan bahasa penskripan pelayan yang boleh digunakan oleh laman web yang menyokong interaksi dengan pelayan web untuk memanipulasikan data.

Berdasarkan pernyataan di atas, senaraikan **dua** contoh bahasa penskripan pelayan.

- i)
ii)

[2 markah]

- 19 Dokumen HTML adalah mengenai konsep bagaimana dokumen dipaparkan. Untuk menerangkan struktur bagi setiap laman web, kod HTML atau elemen HTML digunakan. Elemen biasanya terdiri daripada dua tag yang berpasangan iaitu, start tag dan close tag. Jadual 5 menunjukkan beberapa elemen HTML dan fungsinya.

Elemen HTML	Fungsi
A	digunakan untuk memaparkan pengenalan kandungan bagi suatu laman web atau pautan navigasi
B	Bagi memaparkan grafik dalam laman web
C	memulakan baris baharu dalam HTML.
D	menyusun teks dalam bentuk perenggan

Jadual 5

Berdasarkan Jadual 5, nyatakan elemen

A :

B :

C :

D :

[4 markah]

- 20 Padankan **A**, **B**, **C** dan **D**, kaedah yang digunakan oleh pembina laman web untuk mengelaskan senarai maklumat atau inventori maklumat di dalam aturcara berdasarkan contoh yang diberi.

A Spatial	C Mengikut urutan magnitud
B Hierarki	D Kronologi

Pengelasan maklumat	Contoh
Mengikut urutan abjad	Pengelasan maklumat jualan mengikut serta berdasarkan nama pengguna
(a)	Pengelasan hasil jualan mengikut tarikh
Kategori atau jenis	Pengelasan jualan mengikut produk
(b)	Jenis baju yang dikelaskan kepada subkategori seperti baju kurung & baju kemeja
(c)	Pengelasan maklumat mengikut geografi/lokasi/tempat
(d)	Pengelasan penjualan barang mengikut harga jualan daripada jumlah yang kecil kepada jumlah yang besar

a)

b)

c)

d)

[4 markah]

Bahagian B*Jawab semua soalan.**Masa yang dicadangkan: 90 minit*

- 21 Rajah 7 merupakan Formula bagi menghitung luas segi tiga.

$\text{Luas segi tiga} = \frac{1}{2} \times \text{Tapak} \times \text{Tinggi}$
--

Rajah 7

Berdasarkan Rajah 7,

- (a) bina satu algorithma dalam bentuk carta alir untuk menghitung luas segi tiga.

[7 markah]

- (b) lengkapkan jadual pemboleh ubah di bawah berdasarkan jawapan anda di

- (a) jika Tapak = 42 meter dan Tinggi = 10 meter.

No.	Tapak	Tinggi	Luas segi tiga	I/O
1	-	-	-	-
2				
3				
4				
5				
6				

[8 markah]

- 22 SMK Perkasa ingin mengadakan satu pertandingan “Mencipta Laman Web” di peringkat sekolah. Terdapat 30 penyertaan daripada murid Tingkatan 4 dan Tingkatan 5. Setiap murid mesti mengisi borang pendaftaran dengan maklumat seperti nama, nombor kad pengenalan, umur, jantina, tingkatan dan kelas.

Berdasarkan situasi di atas, anda dikehendaki menghasilkan ERD, kemudian tukarkan ERD kepada bentuk set hubungan.



[10 markah]

23 Jadual 6 merupakan maklumat pekerja bagi sebuah syarikat telekomunikasi.

Id_Pekerja	Nama_Pekerja	Emel_Pekerja	Gaji	Tarikh Masuk	Jabatan
001	Monica Luna	mon@gmail.com	10000	20-02-2014	Sumber Manusia
002	Acinom Amrev	acia@gmail.com	8000	11-06-2014	Kerani
003	Lahsiv Lahgnis	lah2@yahoo.com	30000	20-02-2014	Sumber Manusia
004	Amitabh Praveen	ami_14@yahoo.com	50000	20-02-2014	Kerani
005	Kev Itah	kevitah@gmail.com	50000	11-06-2014	Kerani
006	Lupiv Nawid	lupna@yahoo.com	20000	11-06-2014	Kewangan
007	Hsitas Ramuk	sirUK@gmail.com	7500	20-01-2014	Kewangan
008	Akite Nahuah	AkiNa@yahoo.com	9000	11-04-2014	Kerani

Jadual 6

Berdasarkan Jadual 6,

i) nyatakan nama sesuai untuk jadual di atas.

.....

[1 markah]

ii) nyatakan **jenis data** bagi Id_Pekerja dan Email_Pekerja.

.....

[2 markah]

iii) Tulis SQL untuk membina Jadual Pekerja di atas.

[7 markah]

- iv) Pernyataan SQL di bawah adalah untuk mendapatkan nama pekerja yang mendapat gaji antara ≥ 8000 hingga ≤ 20000 .


```
SELECT CONCAT (NAMA_PKERJA) As Nama_Pekerja, Gaji
FROM PEKERJA
WHERE ID_PKERJA IN
(SELECT ID_PKERJA FROM PEKERJA
WHERE Gaji BETWEEN 8000 AND 20000);
```

Berdasarkan SQL di atas, bina jadual yang sesuai.



[5 markah]

- 24 Anda diberi tugas untuk membina satu pangkalan data Kokurikulum yang mempunyai jadual-jadual yang ditunjukkan di dalam Rajah 8.



ID_Murid	Nama_Murid	Nama_Kelas
M001	SOFIA BINTI JAMAL	3 JATI
M002	ANAS BIN SUFIAN	3 JATI

ID_Guru	ID_Murid	Nama_Guru	Persatuan	Unit_Beruniform	Sukan
GP01	M001	AZLINA BINTI AZMI	BAHASA MELAYU	KADET POLIS	BOLA JARING
GP02	M002	ARSHAD BIN YUSOFF	BAHASA MELAYU	KADET POLIS	BOLA KERANJANG

Rajah 8

Berdasarkan Rajah 8, tuliskan kod arahan SQL untuk menghasilkan jadual GURU_PENASIHAT bagi pangkalan data Kokurikulum.

[10 markah]

SAINS KOMPUTER (Kod Kertas 3770/1)**Bidang Pengaturcaraan (Tingkatan 4 –Bab 1 / Tingkatan 5 – Bab 3)****Bidang Interaksi Manusia dan Komputer (Tingkatan 4 –Bab 3)**

- 1 Rajah 1 menunjukkan pseudokod yang tidak tersusun untuk memaparkan perkataan “Saya suka Sains Komputer sebanyak 10 kali.

A : OUTPUT “Saya suka Sains Komputer” Pembilang = pembilang +1
B : Pembilang = 0
C : Mula
D : TAMAT_SELAGI
E : Tamat
F : SELAGI pembilang < 10 MULA _SELAGI

Rajah 1

Berdasarkan Rajah 1, susun semula pseudokod itu mengikut urutan yang betul dengan menulis abjad A, B, C, D, E dan F pada ruang yang disediakan.

C		F			E
---	--	---	--	--	---

[3 markah]

- 2 Pernyataan 1 menunjukkan ciri bagi ralat.

X adalah ralat yang menyebabkan atur cara tidak dapat dimulakan dan menjadi sangat perlahan ataupun tidak responsif.

Pernyataan 1

Berdasarkan pernyataan 1, nyatakan **X**.

[1 markah]

- 3 Rajah 2 dan Jadual 1 masing-masing menunjukkan pseudokod dan jadual I/O bagi atur cara mencari hasil darab apabila nilai $m = 6$.

Mula
INPUT m
Jumlah = $m * n$
PAPAR jumlah
Tamat

Rajah 2

No.	m	Jum	I/O
1	-	-	-
2	6	-	-
3	6	$6*n$	-
4	6	48	48
5	-	-	-

Jadual 1

Berdasarkan rajah, nyatakan nilai **n** apabila nilai $m = 6$.

[1 markah]

- 4 Rajah 3 menunjukkan rumus penyulitan dengan menggunakan kaedah Caesar Cipher.

$$(X) = (X + n) \text{ Mod } 26$$

Rajah 3

Berdasarkan Rajah 1,

- i) nyatakan perwakilan n

.....

- ii) nyatakan makna Mod 26

.....

[2 markah]

- 5 Dalam Bahasa pengaturcaraan Java, terdapat beberapa jenis pemboleh ubah asas. Rajah 4 di bawah menunjukkan satu segmen aturcara menggunakan Bahasa pengaturcaraan Java.

```
public class pembolehUbah {  
    public static void main(String[] args) {  
        X Tinggi = 176.234f;  
        Y Kelas='D';  
        Z Jawapan=true;  
    }  
}
```

Rajah 4

Berdasarkan Rajah 4 , lengkapkan atur cara tersebut dengan mengisytiharkan jenis pemboleh ubah yang sesuai dengan nilai-nilai Tinggi,Kelas dan Jawapan.

- (i) Jenis pemboleh ubah X

.....

- (ii) Jenis pemboleh ubah Y

.....

- (iii) Jenis pemboleh ubah Z

.....

[3 markah]

- 6 Rajah 5 menunjukkan kod aturcara Java bagi pertukaran unit liter ke mililiter yang mempunyai ralat.

```
public class Literkemililiter {  
    public static void main(String[] args) {  
        int Liter = 15;  
        int Milileter;  
        int tukar = Liter * 1000  
  
        System.out.println("\n" + Liter + "liter" + "=" + tukar + "ml");  
    }  
}
```

Rajah 5

Berdasarkan Rajah 5,
(a) nyatakan jenis ralat.

.....

(b) tulis semula kod atur cara bebas ralat.


.....

(c) nyatakan output yang akan dipaparkan selepas pembetulan ralat.

.....

[3 markah]

- 7 Rajah 6 menunjukkan faktor yang mempengaruhi kebolehbacaan kod atur cara.



Rajah 6

Berdasarkan Rajah 6, nyatakan:

X:

Y:

Z:

[3 markah]

8 Nyatakan DUA kelebihan menggunakan struktur modul atau subatur cara.

(i)
.....

(ii)
.....

[2 markah]

9 Rajah menunjukkan kod segmen Java agi satu sub atur cara.

```
static void paparHarga(String item, double harga) {  
    System.out.print ("Harga " + item + " adalah " + harga);  
}
```

Rajah 7

Berdasarkan Rajah 7,

(i) nyatakan jenis sub aturcara dan berikan justifikasi anda.

.....
.....

[2 markah]

(ii) Tuliskan satu sintak pemanggil bagi subaturcara di atas apabila:

item = jam
harga = 250.00

[1 markah]

10 Rajah 8 menunjukkan kod segmen Java untuk mengira luas segi empat yang mempunyai ralat dalam sintak panggilan.

```
1 public static void main (String[] args) {  
2     int luas;  
3     cariLuas(8,6);  
4     System.out.println(luas);  
5 }  
6 static int cariLuas (int panjang, int lebar){  
7     int luasA;  
8     luasA = panjang * lebar|;  
9     return luasA;  
10 }
```

Rajah 8

Berdasarkan Rajah 8,

- (i) nyatakan nombor baris ralat.
.....
- (ii) Tulis semula ralat tersebut dengan sintaks panggilan yang betul.
.....

[2 markah]

- 11 Rajah 9 menunjukkan kod atur cara Java untuk pengiraan luas permukaan kon.

```
public class LuasPermukaanKon {
    public static void main (String[] arg) {
        int Jejari = 6;
        int Sendeng = 4;
        double luaspermukaan;
        final double pi = 3.142;

        isipadu = pi * jejari * jejari + pi * jejari * sendeng;

        System.out.println("Luas Permukaan Kon =" +
        luaspermukaan);
    }
}
```

Rajah 9

Berdasarkan Rajah 9,

- (a) Bina jadual analisis Input-Proses-Output (IPO) yang bersesuaian

INPUT	
PROSES	
OUTPUT	

[3 markah]

- (b) Lukis carta alir bagi kod aturcara di atas.

[5 markah]

(c) Berikan satu pemboleh ubah yang terdapat dalam kod aturcara di atas?

.....
[1 markah]

(d) Apakah output untuk kod aturcara di atas?

.....
[1 markah]

- 12** (a) Rajah 10(a)(i) adalah satu segmen kod atur cara untuk memaparkan markah bagi 3 mata pelajaran manakala Rajah 10(a)(ii) menunjukkan paparan dialog ralat.

```
public class Ujian1 {  
    public static void main(String[] args) {  
  
        int bm = 78  bi = 65  sej = 88  
  
        System.out.println ("PAPARAN MARKAH BAGI 3 MATA PELAJARAN");  
        System.out.println("B.Melayu : " +bm +"\\tB.Inggeris: " +Bi + "\\tSejarah: " +sej);  
    }  
}
```

Rajah 10(a)(i)

```
Compiling 1 source file to  
C:\Users\norazwanie\Documents\NetBeansProjects\jumlahberat\build\classes  
C:\Users\Documents\NetBeansProjects\ujian1\src\jumlahberat\Jumlahberat.java:16:  
error: ';' expected  
    int bm = 78, bi = 65, sej = 82  
C:\Users\Documents\NetBeansProjects\ujian1\src\jumlahberat\Jumlahberat.java:23:  
error: reached end of file while parsing  
}  
2 errors  
C:\Users\Documents\NetBeansProjects\ujian1\nbproject\build-impl.xml:930: The  
following error occurred while executing this line:  
C:\Users\Documents\NetBeansProjects\ujian1\nbproject\build-impl.xml:270:  
Compile failed; see the compiler error output for details.  
BUILD FAILED (total time: 0 seconds)
```

Rajah 10(a)(ii)

Berdasarkan Rajah 10(a)(i) dan 10(a)(ii),

(i) nyatakan jenis ralat dalam kod atur cara.

.....
[1 markah]

(ii) berikan justifikasi anda di a(i).

.....
[4 markah]

(iii) tulis kod atur cara yang bebas ralat.

.....
.....
[2 markah]

(b) Rajah 11(b)(i) menunjukkan kod atur cara yang telah diubah suai. Rajah 11(b)(ii) menunjukkan paparan output.

```
public class Ujian1 {  
    public static void main(String[] args) {  
  
        int bm = 78;  
        int bi = 65;  
        int sej = 88;  
        int mat = 75;  
  
        int jumlah = bm + bi + sej + mat;  
        double purata = (jumlah/3);  
        double peratus = (jumlah*100)/400;  
  
        System.out.println ("PENGIRAAN MARKAH BAGI 4 MATA PELAJARAN");  
        System.out.println("B.Melayu : " +bm +"\tB.Inggeris: " +bi + "\tSejarah: " +sej +  
        "\tMatematik: " +mat);  
        System.out.println ("Jumlah markah keseluruhan:" +jumlah);  
        System.out.println ("Purata markah keseluruhan:" +purata);  
        System.out.println ("Peratus markah keseluruhan:" +peratus +"%");  
    }  
}
```

Rajah 11(b)(i)

```
run:  
PENGIRAAN MARKAH BAGI 4 MATA PELAJARAN  
B.Melayu : 78   B.Inggeris: 65   Sejarah: 82   Matematik: 78  
Jumlah markah keseluruhan:303  
Purata markah keseluruhan:101.0  
Peratus markah keseluruhan:75.0%
```

Rajah 11(b)(ii)

Berdasarkan Rajah 11(b)(i),


(i) nyatakan jenis ralat dalam kod atur cara. Berikan justifikasi anda.

.....
.....
[2 markah]

(ii) nyatakan output yang akan dipaparkan setelah ralat dibaiki

.....
.....
[1 markah]

- 13** Rajah 12 menunjukkan amalan baik dalam aturcara Java untuk menghitung luas segiempat.



Rajah 12

Berdasarkan Rajah 12,

- (i) Namakan istilah yang berlabel X, Y, dan Z

X:.....
 Y:.....
 Z:.....

[3 markah]

- (ii) Apakah fungsi Y?

.....

[1 markah]

- (iii) Terangkan 3 cara penulisan Y dalam atur cara.

.....

- 14 Rajah 13 menunjukkan maklumat tentang fungsi Daftar (Sign Up) dan Log Masuk (Login) dalam suatu laman web.

Kebanyakan laman web pada masa ini mengkehendaki pengguna untuk mendaftar sebagai pengguna sebelum dibenarkan untuk mencapai data daripada laman web tersebut.

Rajah13

Berdasarkan Rajah 13,

- (a) nyatakan dua contoh laman web yang memerlukan pendaftaran (*sign up*).


.....
.....

[2 markah]

- (b) nyatakan proses yang membolehkan pengguna berdaftar mencapai data daripada laman web yang diaksesnya.

.....
[1 markah]

- 15 Rajah 14 di bawah menunjukkan paparan antaramuka aplikasi “Youtube” yang terdapat di telefon bimbit anda.



Rajah14

Berdasarkan Rajah 14,

- (a) dengan merujuk contoh borang penilaian di bawah, bina borang selidik bentuk skala Likert (nyatakan DUA prinsip asas dan SATU soalan bagi setiap prinsip) untuk membuat penilaian terhadap antaramuka aplikasi di atas.

Item	Soalan	Skala
Nyatakan prinsip asas 1		
1	Tuliskan soalan...	Tuliskan skala...
Nyatakan prinsip asas 2		
1	Tuliskan soalan...	Tuliskan skala...

[5 markah]

- (b) Namakan satu lagi bentuk borang penilaian antaramuka. Seterusnya, nyatakan perbezaannya berbanding dengan bentuk skala Likert.

.....


[3 markah]

- (c) Apakah ciri-ciri soalan yang sesuai digunakan dalam soal selidik antaramuka?

.....

[2 markah]

- 16** Rajah 15 menunjukkan satu atur cara HTML yang mengandungi elemen-elemen HTML untuk menerangkan struktur bagi setiap laman web.



Rajah 15

Berdasarkan Rajah 15, namakan elemen :

- A :
 B :
 C :

[3 markah]

17 Rajah 16 menunjukkan cara penulisan kod JavaScript dalam HTML.

Fail "myScript.js" (skrip)	HTML
<pre>function f1() { document.write("5"); }</pre>	<pre><html> <head> <title>Script Luaran</title> <script src="myScript.js"> </script> </head> <body> <p>Nombor:</p> <script type="text/javascript"> f1(); </script> </body> </html></pre> Rujuk kod JavaScript dalam fail myScript.js Panggil dan laksanakan kod subatur cara f1() dalam fail myScript.js

Rajah 16

Berdasarkan Rajah 16, nyatakan cara yang digunakan.

[1 markah]

18 Rajah 17 menunjukkan segmen penskripan klien yang menggunakan struktur kawalan.

```
<script>
var cetak = 1 ;
while (cetak < 3) ;
{
    document.write ( "Sains Komputer <br>" );
    cetak++;
}
</script>
```

Rajah 17

Berdasarkan Rajah 17,


(a) nyatakan jenis struktur kawalan.

[1 markah]

(b) nyatakan bilangan output yang dipaparkan.

[1 markah]

- 19** Rajah 18 menunjukkan kod atur cara yang menerima jumlah kutipan pingat beberapa buah negara di Olimpik Tokyo 2020 dan mengisih serta memaparkan senarai mengikut turutan jumlah pingat secara susunan menaik.



Rajah 18

Berdasarkan rajah 18,

(a) nyatakan fungsi kod segmen bagi:

P :

Q :

[2 markah]

(b) Nyatakan output atur cara tersebut.



[2 markah]

20 Rajah 19 menunjukkan kod aturcara Java dengan menggunakan tatasusunan.

```
<html>
  <body>
    <script>
      var negara = ["Algeria", "Ghana", "Nigeria", "Afrika", "Tunisia"]
      var i;

      for(i=0; i<5; i++)
      {
        if(i==3)
          document.write (negara[i] + " yang telah dijumpai.");
      }
    </script>
  </body>
</html>
```

Rajah 19

Berdasarkan Rajah 19,

(a) tuliskan output yang akan ditunjukkan.

.....
[1 markah]

(b) kenalpasti dan ubahsuai segmen kod aturcara untuk memaparkan negara "Ghana".

.....
[1 markah]

- 21** Jadual 2 menunjukkan hasil kajian ketinggian bagi lima orang pelajar yang telah direkodkan.

Nama pelajar	Ketinggian (cm)
Aminah	155
Raju	154
John	166
Chong Siaw Wen	166
Stella	152

Jadual 2

Berdasarkan Jadual 2,

(a) Tulis pengisytiharan tatasusunan yang dapat memegang lima nama pelajar dan lima nilai ketinggian daripada hasil kajian tersebut.

.....
.....
.....
[2 markah]

(b) Tulis segmen kod aturcara dalam JavaScript untuk mendapatkan jumlah nilai ketinggian bagi lima orang pelajar tersebut.

.....
.....
.....
[1 markah]

(c) Tulis kod aturcara JavaScript untuk memaparkan jumlah nilai ketinggian bagi lima orang pelajar yang diperolehi dari (b).

.....
.....
.....
[1 markah]

22 Rajah 20 menunjukkan segmen kod atur cara bagi log masuk pengguna.

```

21 </div>
22 <?PHP include('footer.php'); ?>
23 <?PHP
24
25 if(!empty($_POST))
26 {
27     $nokp=$_POST['nokp'];
28     $katalaluan=$_POST['katalaluan'];
29
30     if(empty($nokp) or empty($katalaluan))
31     {
32         die("<script>alert('Sila lengkapkan maklumat daftar masuk');
33         window.history.back();
34         </script>");
35     }
36
37     include ("connection.php");
38
39     $arahan_carian="select* from tetamu
40     where nokp_pelanggan ='".$nokp."' and katalaluan_pelanggan='".$katalaluan."' limit 1";
41
42     $laksana_carian=mysqli_query($condb,$arahan_carian);
43
44     if(mysqli_num_rows($laksana_carian)==1)
45     {
46
47         $rekod=mysqli_fetch_array($laksana_carian);
48
49         $_SESSION['nama_pengguna']=$rekod['nama_pelanggan'];
50         $_SESSION['nokp_pengguna']=$rekod['nokp_pelanggan'];
51         $_SESSION['notel_pengguna']=$rekod['notel_pelanggan'];
52
53         echo "<script>window.location.href='index.php';</script>";
54     }
55     else
56     {
57
58         echo "<script>alert('Daftar Masuk Gagal');
59         window.history.back();</script>";
60     }
61 }
62 }
63 <?>

```

Rajah 20

Berdasarkan Rajah 20, nyatakan segmen kod aturcara yang akan dilaksanakan sekiranya pengguna

(i) berjaya log masuk

.....

.....

(ii) tidak berjaya log masuk

.....

.....

[2 markah]

- 23 Jadual 3 menunjukkan mod capaian dan penerangan mod tersebut.

Mod Capaian	Penerangan
X	Fail dibuka hanya untuk ditulis sahaja (bermula dari awal fail)
Y	Fail dibuka untuk ditulis sahaja (bermula di akhir fail)

Jadual 3

Berdasarkan Jadual 3, nyatakan mod capaian

X :
Y :

[2 markah]

- 24 Rajah 21(a) dan 21(b) menunjukkan Jadual Customer satu pangkalan data dan paparan output selepas segmen kod arahan SQL dilaksanakan.

CustomerID	CustomerName	ContactName	Address	City	PostalCode	Country
1	Alfreds Futterkiste	Maria Anders	Obere Str. 57	Berlin	12209	Germany
2	Ana Trujillo Emparedados y helados	Ana Trujillo	Avda. de la Constitución 2222	México D.F.	05021	Mexico

Rajah 21(a)

CustomerID	CustomerName	ContactName	Address	City	PostalCode	Country
1	Alfreds Futterkiste	Alfred Schmidt	Obere Str. 57	Frankfurt	12209	Germany
2	Ana Trujillo Emparedados y helados	Ana Trujillo	Avda. de la Constitución 2222	México D.F.	05021	Mexico

Rajah 21(b)

Berdasarkan Rajah 21(a), tuliskan segmen kod arahan SQL yang sesuai untuk mendapatkan paparan seperti Rajah 21(b).

.....
.....
.....

[3 markah]

25 Jadual 4 menunjukkan keterangan prinsip-prinsip asas reka bentuk laman web.

Prinsip	Keterangan
X	• merujuk maklumat atau kandungan yang ingin diberikan perhatian dalam laman web tersebut • Penggunaan kesan khas seperti <i>drop shadow</i>, tekstur atau cahaya dan bentuk. • Penggunaan fungsi <i>bold</i>, <i>italic</i>, warna yang berbeza dan <i>border</i>.
Y	• Penyusunan teks yang baik memudahkan pemahaman dalam proses pembacaan • Seragamkan jenis teks atau fon yang digunakan bagi setiap halaman yang dibina. • Gunakan saiz teks yang berbeza bagi membezakan tajuk dengan kandungan atau huraian.
Z	• merujuk gabungan elemen visual seperti garisan, imej, teks, bentuk, dan warna dalam laman web. • pereka web juga perlu peka tentang pengguna sasaran laman web

Jadual 4

Berdasarkan Jadual 4, nyatakan prinsip:

X :
 Y :
 Z :

[3 markah]


26 Puan Amira meminta Hakim membina halaman bagi kegunaan Unit Bimbingan dan Kaunseling. Rajah 22 di bawah menunjukkan keratan kod aturcara dan output yang telah dihasilkan oleh Hakim.

Kod aturcara HTML	Output
<pre> <!DOCTYPE html> <html> <head> <title>BORANG SOAL SELIDIK</title> </head> <body> <h2>Soal Selidik Pelajar Berkaitan PDPR</h2> <p>Unit Bimbingan dan Kaunseling</p> </body> </html> </pre>	Soal Selidik Pelajar Berkaitan PDPR Unit Bimbingan dan Kaunseling

Rajah 22



Puan Amira meminta agar saiz tulisan 'Soal Selidik Berkaitan PDPR' dijadikan lebih besar. Bagi paparan 'Unit Bimbingan dan Kaunseling' pula akan menggunakan saiz asal tajuk.

Berdasarkan Rajah 22, tulis semula kod arahan yang berkaitan agar output yang terhasil menepati kehendak Puan Amira.



[2 markah]

27 Rajah 23 menunjukkan kod atur cara HTML dan output yang terhasil.

Kod aturcara HTML	
	<pre><!DOCTYPE html> <html> <body> (i) SEJARAH TINGKATAN 4</h1> <h2>(ii) Sub topik 1.1</h2> <p>Latar Belakang Negara Bangsa Sebelum Kedatangan Barat</p> <hr> <h2>Sub topik 1.2</h2> <p>Ciri-ciri Negara Bangsa Kesultanan Melayu Melaka </p> (iii) <h2>Sub topik 1.3</h2> <p>Keunggulan Sistem Pentadbiran dan Undang-undang</p> </body> </html></pre>
OUTPUT	
	

Rajah 23

Berdasarkan Rajah 23, tuliskan sintaks yang tertinggal untuk menghasilkan output yang ditunjukkan.

- (i)
 (ii)
 (iii)

[3 markah]

28 Jadual 5 menunjukkan dua fail yang disediakan oleh pereka laman web.

Fail 1: style1.css	Fail 2: utama.html
<pre>h1 { color: blue; }</pre>	<pre><html> <head> <title> Laman Utama </title> <link rel= "stylesheet" type="text/css" href="style1.css"> </head> <body> <h1> Laman Web Sekolah </h1> </body> </html></pre>

Jadual 5

Berdasarkan Jadual 5, nyatakan cara penulisan CSS yang digunakan dalam pembangunan laman web tersebut.

[1 markah]

29 Rajah 24 menunjukkan sintaks yang digunakan dalam CSS.

```
h1
{
    text-align: center;
}
```

Rajah 24

Berdasarkan Rajah 24, nyatakan fungsi sintaks CSS tersebut.

[1 markah]

30 Kedudukan elemen bergantung pada browser viewport, iaitu pada pandangan pengguna kepada pelayar web. Kedudukan elemen akan tetap di kedudukan yang sama walaupun pengguna scroll pada halaman web. Berdasarkan pernyataan di atas, namakan jenis kedudukan yang digunakan.

[1 markah]

- 31** Pernyataan 2 menunjukkan kelebihan salah satu jenis cara penulisan CSS dalam HTML.

- Hanya memberikan kesan pada laman yang sedang dipaparkan.
- Boleh menggunakan kelas dan ID.
- Tidak memerlukan anda memuat naik fail yang banyak.

Pernyataan 2

Berdasarkan Pernyataan 2, nyatakan jenis penulisan CSS tersebut.



[1 markah]

- 32** Jadual 6 menunjukkan sintaks kod Javascript.

A	(input type = "radio")
B	(input type = "checkbox")

Jadual 6

Berdasarkan Jadual 2, isikan jawapan yang betul dalam jadual di bawah dengan menulis huruf **A** dan **B**.

	
(i)	(ii)

- 33** Rajah 25 menunjukkan segmen Atur cara PHP menggunakan fungsi *fopen* serta fungsi *fwrite* dalam laman web.

```
<?php
    $f = fopen("LogMasuk.txt", "w");
    fwrite($f, "SelamatDatang");
    fclose($f);
?>
```

Rajah 25

Berdasarkan Rajah 25,

(a) terangkan penggunaan fungsi yang dinyatakan.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(b) apakah mod capaian yang digunakan serta terangkan fungsinya?

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

(c) nyatakan TIGA mod capaian selain di jawapan (b)

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

34 Penggunaan laman web interaktif melalui rangkaian Internet telah berkembang meliputi pelbagai lapisan masyarakat. Antara Bahasa yang digunakan untuk membangunkan laman web ialah HTML.

(a) Berdasarkan pernyataan di atas, apakah maksud HTML dan nyatakan fungsinya.

.....
.....
.....

[2 markah]

(b) Anda diberi tugas oleh guru anda untuk membina halaman web menggunakan elemen-elemen HTML yang telah anda pelajari. Hasil paparan yang dibina mestilah seperti Rajah 26.



Rajah 26

Berdasarkan Rajah 26, lengkapkan aturcara pada ruangan di bawah untuk menyiapkan tugas tersebut. Gambar yang dimuat naik disimpan sebagai rumah.jpg.

```
<!DOCTYPE html>
<html>
<body>

<h2><u>
<img

<p>Ini rumah Siti.</p>
```

[8 markah]

SAINS KOMPUTER (Kod Kertas 3770/1)**Bidang Pangkalan Data (Tingkatan 4 –Bab 2 / Tingkatan 5 – Bab 2)**

- 1 Pernyataan 1 merupakan peraturan yang perlu dipatuhi dalam integriti data.

Jadual mempunyai sekurang -kurangnya satu atribut data unik untuk setiap rekod. Contoh, nombor murid mesti unik

Pernyataan 1

Berdasarkan Pernyataan 1, nyatakan jenis peraturan integriti.

[1 markah]

- 2 Jadual 1 di bawah menunjukkan ciri ciri data.

D	Konsistensi atau keseragaman data yang mempengaruhi kesahan data
E	Pertindihan data yang berlaku akibat daripada Salinan data pada lokasi yang berbeza
F	Kesempurnaan, ketepatan dan kesahan data serta merujuk kepada ketepatan data yang sah melalui keseluruhan kitar hayat data

Jadual 1

Berdasarkan Jadual 1, namakan ciri ciri data bagi:

D :

E :

F :

[3 markah]

- 3 Pelbagai jenis data terdapat dalam Access. Jadual 2 menunjukkan ciri-ciri bagi data jenis **Text**, **Memo**, **Number** dan **Date/Time**.

Jenis Data	Ciri-ciri
P	Nombor yang khusus untuk tarikh dan masa.
Q	Teks atau kombinasi teks dengan nombor yang panjang, tidak boleh diisih ataupun digunakan sebagai indeks.
R	Teks atau kombinasi teks dengan nombor yang boleh diisih ataupun digunakan sebagai indeks.
S	Boleh diproses dengan menggunakan operasi aritmetik.


Jadual 2

Berdasarkan jadual 2, nyatakan jenis data:

P :
 Q :
 R :
 S :

[4 markah]

- 4 Rajah 1 menunjukkan antara muka aplikasi Microsoft Acces. Selain borang berjenis Layout View, terdapat tiga jenis borang yang boleh digunakan untuk mereka bentuk borang semasa pembangunan pangkalan data.



X

Y


Rajah 1

Berdasarkan Rajah 1, antara X dan Y, yang manakah dipanggil borang berjenis split form?

.....

[1 markah]

- 5 Rajah 2 menunjukkan reka bentuk query pengurusan pangkalan data pinjaman buku.



Rajah 2


Berdasarkan Rajah 2 , nyatakan output reka bentuk query.

.....

.....

[2 markah]

- 6 Rajah 3 menunjukkan satu fitur untuk mengabungkan borang-borang, laporan-laporan, query-query dalam menghasilkan sistem antara muka bagi Microsoft Access.



Rajah 3

Berdasarkan Rajah 3, nyatakan fitur tersebut.

.....

[1 markah]

- 7 Rajah 4 merujuk kepada suatu bahasa pengaturcaraan.

X ialah Bahasa pengaturcaraan ini digunakan hampir di semua sistem pengurusan pangkalan data. Ia digunakan untuk mencapai dan mengemas kini data dari pangkalan data melalui sistem pengurusan pangkalan data.

Rajah 4

Berdasarkan Rajah 4, nyatakan X.

.....

[1 markah]

lihat halaman sebelah

- 8 Jadual 3 di bawah menunjukkan pernyataan-pernyataan dalam arahan SQL.

P	Q	R
• SELECT • INSERT • UPDATE • DELETE	• GRANT • REVOKE	• CREATE • ALTER • DROP

Jadual

Berdasarkan Jadual 3, nyatakan fungsi:

P :

Q :

R :

[3 markah]

- 9 Jadual 4(a) menunjukkan Jadual PELAJAR dalam suatu pangkalan data. Jadual 4(b) menunjukkan output selepas satu pernyataan SQL dilaksanakan. PELAJAR

Id_Pelajar	Nama_Pertama	Nama_Kedua	Jantina
P2010	Dayangku	Izzah	Perempuan
P2012	Muhammad	Naim	Lelaki
P2016	Muhammad	Alif	Lelaki
P2020	Muhammad	Johan	Lelaki
P2021	Natalia	Oja	Perempuan

Jadual 4(a)

Id_Pelajar	Nama_Pertama	Nama_Kedua
P2012	Muhammad	Namia
P2016	Muhammad	Alif
P2020	Muhammad	Jimmy

Jadual 4(b)

Berdasarkan Jadual 4(a), tuliskan pernyataan SQL bagi menghasilkan output seperti di Jadual 4(b).

.....

[3 markah]

- 10 Jadual 5 di bawah menunjukkan keterangan dan fungsi arggerat yang di sediakan oleh Bahasa Petanyaan Berstruktur (SQL).

Keterangan	Fungsi Agregat
Mengembalikan jumlah nilai medan tertentu	SUM
Mengembalikan nilai tertinggi medan tertentu	P
Mengembalikan jumlah bilangan rekod	Q

Jadual 5

Berdasarkan Jadual 5, kenalpasti P dan Q.

P :

Q :

[2 markah]

- 11 Jadual 6 menunjukkan jadual bayaran pekerja mengikut jam bagi syarikat ABC dalam bentuk 1NF.

NoProjek	NamaProjek	NoPekerja	NamaPekerja	Jawatan	BayaranPerJam	JamBekerja
1	Wira Jaya	101	Ahmad Bin Keria	Pengaturcara	RM80	21
1	Wira Jaya	103	Mary Beran	Pereka Pangkalan Data	RM100	30
1	Wira Jaya	105	Jimmy Ak Ben	Penganalisa Sistem	RM90	15
2	Gemilang	108	Voon Boon Kin	Pereka Aplikasi	RM60	14
2	Gemilang	103	Mary Beran	Pereka Pangkalan Data	RM100	10
2	Gemilang	105	Jimmy Ak Ben	Penganalisa Sistem	RM90	20
2	Gemilang	111	Awang Bin Syukri	Pengaturcara	RM80	15
8	Cahaya Mata	101	Ahmad Bin Keria	Pengaturcara	RM80	15
8	Cahaya Mata	105	Jimmy Ak Ben	Penganalisa Sistem	RM90	10
8	Cahaya Mata	108	Voon Boon Kin	Pereka Aplikasi	RM60	13


Berdasarkan Jadual 6,

(a) tulis skema hubungan dalam bentuk pernyataan teks yang lengkap .

.....

[2 markah]

(b) laksanakan proses penormalan sehingga 3NF dalam bentuk jadual



[13 markah]

- 12 Jadual 7 menunjukkan pangkalan data di sebuah stor sukan sekolah.

PRODUK

NoProduk	Item	Harga	Kuantiti	Pembekal
A01	Kayu hoki	20.00	25	Jaya Enterprise
A02	Raket	10.50	40	Majid Sdn. Bhd
A03	Bulu tangkis	12.00	10	Majid Sdn. Bhd
A04	Bola hoki	25.00	30	Jaya Enterprise

Jadual 7

Berdasarkan Jadual 7,:

- (a) senaraikan dua fungsi agregat yang terdapat dalam SQL

[2 markah]

- (b) tulis pernyataan SQL

- (i) mendapatkan jumlah produk yang terdapat dalam jadual PRODUK.

[2 markah]

- (ii) mengira purata harga barang

[2 markah]

- (iii) memaparkan jumlah barang yang dibekalkan oleh setiap pembekal dan anda ingin memaparkan pembekal yang membekalkan kuantiti Barang yang melebihi 10

[4 markah]

SAINS KOMPUTER (Kod Kertas 3770/1)**TINGKATAN 5: Bidang Pengkomputeran (Tingkatan 5 –Bab 1)**

- 1 Jadual 1 menunjukkan tiga contoh aktiviti yang tidak beretika pengkomputeran .

Contoh aktiviti yang tidak beretika	Etika dalam pengkomputeraan
Membuat salinan atau mengkomersialkan perisian tersebut tanpa kebenaran pemiliknya.	X
Tidak meminta izin terlebih dahulu daripada pemilik komputer sebelum menggunakan komputer tersebut.	Y
Mendapatkan data daripada fail peribadi orang lain tanpa kebenaran. Mengintip fail orang lain atau membaca mesej peribadi orang lain melanggar hak peribadi.	Z


Jadual 1

Berdasarkan Jadual 1, nyatakan etika

X :
 Y :
 Z :

[3 markah]

- 2 Rajah 1 menunjukkan langkah untuk memastikan keselamatan data dalam perkhidmatan perbankan internet yang disediakan oleh Bank ABC.



Rajah 1

Berdasarkan Rajah 1, nyatakan langkah keselamatan tersebut dan beri justifikasi anda.

.....

[3 markah]

- 3 Jadual 2 menunjukkan padanan teks biasa dan teks sifer menggunakan teknik Caesar Cipher.

Teks Biasa	A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L	M	N	O	P	Q	R	S	T	U	V	W	X	Y	Z
Teks Sifer	X	Y	Z	A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L	M	N	O	P	Q	R	S	T	U	V	W

Jadual 2

Rajah 2 menunjukkan teks yang disulitkan menggunakan teknik Caesar Cipher.

Teks Sifer : PXVX PRHX JXH XK OLQF

Rajah 2

Berdasarkan Jadual 1 dan Rajah 2, nyahsulitkan text sifer tersebut.

[1 markah]

- 4 Jadual 3 menunjukkan proses dalam kitaran Capai – Nyahkod –Laksana (FDE – Fetch, Decode, Execute Cycle).

Proses P	Proses Q
- Unit kawalan nyahkod arahan - Jenis operasi ditentukan dan dilaksanakan ALU	Pemproses melaksanakan operasi aritmetik dan logik terhadap data seperti yang dinyatakan oleh arahan

Jadual 3


Berdasarkan Jadual 3, nyatakan proses:

P :

Q :

[2 markah]

- 5 Rajah 3 menunjukkan beberapa gabungan get logic.



Rajah 3

Berdasarkan Rajah 3,

(i) namakan get logik yang terlibat.

(ii) tuliskan ungkapan Boolean untuk Z.

[4 markah]

6 Rajah 4 merupakan artikel yang dipetik dari akhbar tempatan



Rajah 4

Berdasarkan Rajah 4,

(a) nyatakan **DUA** contoh jenayah siber yang lazim berlaku di Malaysia.

- (i)
 (ii)


[2 markah]

(b) berdasarkan jawapan anda di soalan(a), huraikan **SATU** kesan negatif jenayah siber kepada masyarakat Malaysia.

-

[2 markah]

(c) Rajah 5 menunjukkan



Rajah 5

Berdasarkan Rajah 5, nyatakan **DUA** kesan positif hasil daripada inovasi dalam pengkomputeran selain yang ditunjukkan di atas.

- (i)
 (ii)

[2 markah]

lihat halaman sebelah

(d) Berdasarkan jawapan anda di soalan(b), huraikan 2 kesan positif dalam dunia pendidikan pada masa kini.

- (i)
-
-
- (ii)
-
-

[4 markah]

7 Rajah 6 menunjukkan deskripsi umum tentang pelaksanaan pemprosesan arahan dalam sistem komputer.

Data dan arahan yang diterima sebagai input kepada sistem komputer akan diproses oleh komponen-komponen utama komputer sebelum hasil pemprosesan ditunjuk pada skrin

Rajah 6


Berdasarkan Rajah 6,

(a) senaraikan tiga komponen utama sistem komputer.



.....


[3 markah]


(b) lakarkan melalui satu demonstrasi yang jelas tentang rumusan pelaksanaan pemprosesan arahan dalam sistem komputer.



[7 markah]

7	P : Membina jadual (table) Q : Mengisi jadual R : Mewujudkan hubungan (relationship) S : Membina Carian (Query)	4												
8	<table><tr><td>ID MURID</td><td>NAMA MURID</td><td>KELAS</td><td>UNIT BERUNIFORM</td></tr><tr><td>SM003</td><td>Mohd Zainuddin Bin Ahmad</td><td>5 Bijak</td><td>Kadet Bomba</td></tr><tr><td>SM005</td><td>Samuel anak John</td><td>5 Rajin</td><td>Kadet Bomba</td></tr></table>	ID MURID	NAMA MURID	KELAS	UNIT BERUNIFORM	SM003	Mohd Zainuddin Bin Ahmad	5 Bijak	Kadet Bomba	SM005	Samuel anak John	5 Rajin	Kadet Bomba	2
ID MURID	NAMA MURID	KELAS	UNIT BERUNIFORM											
SM003	Mohd Zainuddin Bin Ahmad	5 Bijak	Kadet Bomba											
SM005	Samuel anak John	5 Rajin	Kadet Bomba											
9	1. Jelas 2. Intuitif 3. Semula jadi Mana-mana dua	2												
10	X: temu bual Y: soal selidik	2												
11	Penilaian kuantitatif	1												
12	(a) Dilarang mengganggu urusan privasi atau tugas computer yang lain. (b) Mempertimbangkan kesan sosial daripada program dan sistem yang dibangunkan.	1 1												
13	a)Symmetric Encryption b)Asymmetric Encryption	2												
14	- X ialah Bahasa Aras Tinggi. - Kelebihannya adalah lebih mudah dipelajari dan mudah digunakan untuk membina atur cara.	1 1												
15	i)  ii) Get TAK DAN	2 1												
16		1 (2 entiti) 1 (hubungan) 1 (kekardinalan & simbol)												
17	J: Data Control Language atau Bahasa Kawalan Data (DCL) K: Data Definition Language atau Bahasa Takrifan Data (DDL) L: Data Manipulation Language atau Bahasa Pengolahan Data (DML)	3												

18	PELANGGAN (NoPelanggan <KP>, Nama, Alamat) PESANAN (NoPesanan <KP>, TarikhPesanan, NoPelanggan <KA>)	1 1
19	1, 3, 6, 4, 5, 2	4
20	(a) (i) var tinggi = [1.34, 1.41, 1.43, 1.29, 1.57, 1.63, 1.59];	1
	(ii) var jumlahtinggi = 0;	1
	(iii) jumlahtinggi = tinggi[0] + tinggi[1] + tinggi[2] + tinggi[3] + tinggi[4] + tinggi[5] + tinggi[6] ;	1
	(b) 7.38	1
BAHAGIAN B		
21	a. Ulangan	1
	b. Mula pembilang = 0 SELAGI pembilang < 10 MULA_SELAGI OUTPUT "Berlari di padang sekolah" P pembilang = pembilang + 1 TAMAT_SELAGI Tamat	1 (Mula dan tamat) 2 (aliran / algoritma) 1 (output)
	c. Carta alir  <pre> graph TD MULA([MULA]) --> A[pembilang=0] A --> B{Pembilang < 10} B -- Benar --> C[pembilang = pembilang + 1] C --> D[/OUTPUT "Berlari di padang sekolah"/] D --> B B -- Palsu --> E([TAMAT]) </pre>	1 (Mula dan tamat) 1 (aliran / algoritma) 1 (syarat) 1 (output) 1 (simbol dan pernyataan)

22	Jawapan : a.  b. PELANGGAN – NoPelanggan PESANAN – NoPesanan	2(entiti) 2(atribut) 2(kunci primer) 1(hubungan) 1(kekardinalan) 1 1
